

## GARIS PANDUAN MAKSIAT DARI PERSPEKTIF ISLAM

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-39  
21 September 1995

### TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan untuk dijadikan panduan kepada umat Islam mengenai perlakuan yang bertentangan dengan syariat Islam.

### LATAR BELAKANG

1. Firman Allah swt dalam Surah An-Nahl, ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

*Maksudnya: "Sesungguhnya Allah swt menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini) supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya."*

2. Pada masa ini fahaman umum mengenai maksiat ialah perlakuan yang bertentangan dengan syariat Islam yang dilakukan oleh manusia secara suka sama suka atau tidak memudharatkan pihak lain umpamanya berpesta, minum arak, berbogel beramai-ramai, mengadakan majlis tari menari, berzina, berkhalwat di tempat sunyi yang meragukan dan sebagainya. Fahaman seperti ini adalah tidak menepati istilah maksiat dalam perspektif Islam yang sebenarnya. Inilah paradigm yang ingin diubah melalui Garis Panduan Maksiat Dari Perspektif Islam ini. Dalam pengertian yang sebenarnya maksiat adalah merangkumi sebarang perlakuan yang menunjukkan kedurhakaan manusia kepada Allah dalam apa jua bentuk.

## DEFINISI

Maksiat dari segi bahasa bermakna durhaka dan maksiat dari segi istilah ialah perbuatan yang membawa dosa iaitu yang bertentangan dengan akidah, syariat atau ajaran Islam sama ada dengan melakukan larangan Allah dan Rasul atau meninggalkan suruhan Allah dan RasulNya, dengan kata lain melakukan yang haram dan meninggalkan yang wajib. Perbuatan tersebut memberi kesan kepada kehidupan seseorang dalam akidah, syariat ataupun akhlak.

## PUNCA PERBUATAN MAKSIAT

Adapun punca perbuatan maksiat dalam bentuk meninggalkan suruhan Allah adalah dari kelemahan iman seseorang. Peningkatan iman dan taqwa adalah dengan meningkatkan tanggungjawab kita terhadap suruhan yang diwajibkan dan disunatkan oleh Allah swt dan RasulNya, seperti mengerjakan sembahyang lima waktu dengan sebaiknya, bersedekah, simpati kepada orang miskin dan anak yatim dengan membantu mereka dan mengerjakan ibadah-ibadah lain yang telah ditetapkan oleh Allah swt. Jika ibadat-ibadat ini tidak dilaksanakan dengan sempurna, iman akan menjadi semakin lemah. Kelemahan inilah yang akan mendorong ke arah melakukan maksiat seperti mendekati atau melakukan zina, mencuri, minum arak, tidak prihatin kepada nilai-nilai Islam di dalam melaksanakan tugas, suka kepada filem lucah dan lain-lain. Sebagai contoh sabda Rasulullah saw:

لَا يَزْنِي الزَّانِي حِينَ يُزْنِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ، وَلَا يَشْرِبُ الْخَمْرَ حِينَ يَشْرِبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ، وَلَا يَسْرِقُ  
السَّارِقُ حِينَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ، وَلَا يَنْتَهَبُ نَهْبَةً ذَاتَ شَرَفٍ يَرْفَعُ النَّاسُ إِلَيْهِ فِيهَا أَبْصَارَهُمْ  
حِينَ يَنْتَهَبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ.

*(Hadis Riwayat Bukhari)*

## JENIS-JENIS MAKSIAT

### 1. Maksiat Kepada Allah Dan Rasul

Jenis Maksiat Kepada Allah Dan Rasul:

- i. Meninggalkan perintahNya
- ii. Melakukan laranganNya

## 2. Maksiat Terhadap Makhluk

Jenis maksiat terhadap makhluk:

- i. Maksiat terhadap manusia
- ii. Maksiat terhadap haiwan dan alam sekitar
- iii. Maksiat terhadap harta awam

## CONTOH-CONTOH MAKSIAT

Bagi memperjelaskan perkara-perkara yang telah disebutkan, di sini diperturunkan contoh-contoh maksiat seperti berikut:

### 1. Meninggalkan Perintah Allah s.w.t. Dan Rasul

Meninggalkan perintah Allah adalah suatu yang dilarang dan tentunya akan merosakkan iman seseorang. Firman Allah swt dalam Surah al-Jinn; ayat 23:

إِلَّا بَلَّغْنَا مِنْ آيَاتِنَا وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّ لَهُ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدًا فِيهَا أَبَدًا

*Maksudnya: "(Aku diberi kuasa) hanya menyampaikan( wahyu) dari Allah dan perintah-perintahNya (yang ditugaskan kepada ku menyampaikannya) dan setiap yang menderhaka kepada Allah dan ingkarkan bawaan RasulNya, maka sesungguhnya disediakan baginya neraka jahanam, kekalah mereka di dalamnya selamanya."*

Seseorang itu telah ditetapkan tanggungjawabnya kepada Allah s.w.t. yang merupakan Rukun Islam yang diibaratkan sebagai ibadat dan ditegah melanggar perintahNya kerana ia adalah perlakuan maksiat yang memberi kesan kepada iman dan akhlak. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Isra' ; ayat 23:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ  
 الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا نَهْرَهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا  
 كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

*Maksudnya: "Tuhanmu memerintahkan supaya janganlah kamu sembah, kecuali Dia dan berbuat baiklah kepada ibubapa. Jika seseorang di antara keduanya telah tua atau kedua-duanya, janganlah engkau katakan 'uhh' kepada keduanya dan janganlah pula engkau herdik keduanya dan ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang mulia (lemah lembut)".*

Sabda Rasulullah s.a.w.:

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُفِيقَاتِ الشِّرْكَ بِاللَّهِ وَالسَّحَرَ وَقَتْلَ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ الِ  
 بِالْحَقِّ وَأَكْلَ الرِّبَا وَأَكْلَ مَالِ الْيَتِيمِ وَالنَّوْلي يَوْمَ الرِّخْفِ وَقَذْفَ الْمَنَاتِ  
 الْمُؤْمِنَاتِ الْمَغَافِلَاتِ.

*(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Antara contoh-contonya seperti:

- i. Meninggalkan salah satu Rukun Islam yang lima
- ii. Tidak membayar hutang
- iii. Tidak menutup aurat
- iv. Tidak berbuat baik kepada ibu bapa

## 2. Melakukan Larangan Allah s.w.t. Dan Rasul

Melanggar larangan Allah dan Rasul adalah amat keji malah ia boleh memberi kesan yang buruk kepada diri dan juga masyarakat. Setiap orang Islam telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul perkara-perkara yang ditegah dilakukan. Perkara ini telah ditetapkan dalam al-Quran dan Hadis. Firman Allah swt dalam Surah al-Isra', ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٤﴾

*Maksudnya: "Janganlah kamu menghampiri zina sesungguhnya zina itu sangat keji dan jalan yang amat jahat".*

Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ شَرِبَ الْخَمْرَ لَمْ يَقْبَلِ اللَّهُ لَهُ صَلَاةً أَرْبَعِينَ صَبَاحًا فَإِنْ تَابَ تَابَ اللَّهُ عَلَيْهِ . فَإِنْ عَادَ لَمْ يَقْبَلِ اللَّهُ لَهُ صَلَاةً أَرْبَعِينَ صَبَاحًا فَإِنْ تَابَ تَابَ اللَّهُ عَلَيْهِ . فَإِنْ عَادَ لَمْ يَقْبَلِ اللَّهُ لَهُ صَلَاةً أَرْبَعِينَ صَبَاحًا فَإِنْ تَابَ تَابَ اللَّهُ عَلَيْهِ فَإِنْ عَادَ الرَّابِعَةَ لَمْ يَقْبَلِ اللَّهُ لَهُ صَلَاةً أَرْبَعِينَ صَبَاحًا فَإِنْ تَابَ لَمْ يَتُبَّ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَقَاهُ مِنْ نَهْرِ الْخَبَالِ . قِيلَ وَمَا نَهْرُ الْخَبَالِ يَا رَسُولَ اللَّهِ . قَالَ : نَهْرٌ مِنْ صَدِيدِ أَهْلِ النَّارِ .

*Maksudnya: "Diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar (r.a.) katanya Rasulullah saw telah bersabda: Sesiapa yang meminum arak, maka Allah tidak akan menerima sembahyangnya (tidak memberi pahala) selama 40 hari. Jika sekiranya ia berhenti dan bertaubat selepasnya maka Allah menerima taubatnya. Jika sekiranya ia kembali meminum arak (setelah taubat yang pertama tadi) maka Allah tidak akan menerima sembahyangnya selama 40 hari pula. Jika ia bertaubat pula selepas itu maka Allah menerima taubatnya. Jika selepas itupun ia kembali pula meminum arak, maka Allah tidak akan menerima sembahyangnya selama 40 hari pula. Jika ia bertaubat kali yang ketiga ini Allah masih menerima taubatnya. Adapun jika ia kembali semula meminum arak itu buat kali yang keempat setelah taubatnya yang sebeforem dari itu, maka Allah tidak akan menerima sembahyangnya selama 40 hari, dan jika ia bertaubat pun di kali ini maka taubatnya tidak akan diterima oleh Allah. Dan ia akan diberi balasan dengan diberi minum air sungai Khabal. Ditanya Rasulullah saw, apakah dia sungai Khabal itu, menjawab Rasulullah saw, Sungai Khabal ialah sungai danur (kekotoran) dari ahli neraka".*

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Antara contohnya seperti berikut:

- i. Berzina/merogol/meliwat
- ii. Berjudi
- iii. Bertenung nasib/meminta batuan bomoh secara yang ditegah oleh Allah
- iv. Mencuri/merompak/menyamun/memakan riba
- v. Memberi dan menerima rasuah
- vi. Minum arak dan benda-benda yang memabukkan
- vii. Membunuh diri/menyalahgunakan dadah
- viii. Syirik, tafakkur kepada tugu dan murtad

### **3. Maksiat Terhadap Manusia**

Manusia adalah makhluk Allah swt yang paling mulia yang mempunyai hak-hak dan tanggungjawab.

Adapun contoh maksiat terhadap manusia ialah perbuatan buruk. Antara contohnya:

- i. Hipotesme
- ii. Berniaga dengan menggunakan benda-benda haram atau bercampur haram atau syubhah
- iii. Memberi dan menerima rasuah
- iv. Hasad dengki
- v. Memfitnah/membuat gossip liar
- vi. Mendera isteri/suami/anak
- vii. Membuang anak dan pekerja
- viii. Tidak membayar hutang
- ix. Suka memarahi dan menyalahkan orang lain
- x. Menganjurkan dan meluluskan program yang merosakkan moral masyarakat

### **4. Maksiat Terhadap Haiwan Dan Alam Sekitar**

Maksiat terhadap haiwan dan alam sekitar ialah perbuatan yang boleh merosak, membazir, mencemarkan suasana semulajadi yang memberi kesan kepada makhluk sama ada yang ada di air atau di darat.

Sabda Rasulullah saw:

عرضت على أعمال أمتي حسنها وسيئها فوجدت في محاسن أعمالها الأذى  
يماط عن الطريق.

*Maksudnya: "Dibentangkan ke atas ku amalan-amalan sama ada yang baik dan yang buruk, maka aku dapati amalan umatku yang paling baik sekali ialah menghapuskan gangguan pencemaran lautan sama ada di darat, laut dan udara)".*

*(Hadis Riwayat Muslim Dan Ibn Majah)*

Antara contohnya:

- i. Memburu binatang hingga pupus
- ii. Menebang tumbuh-tumbuhan sesuka hati
- iii. Meratakan bukit bukau tanpa pertimbangan wajar
- iv. Membuang sampah sarap di merata tempat
- v. Mencemarkan sungai
- vi. Mencemarkan udara

Firman Allah swt Surah ar-Ruum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا  
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

*Maksudnya: Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)".*

## 5. Maksiat Terhadap Harta Awam

Maksiat ini boleh menyebabkan kerosakan kepada harta-harta bagi kepentingan bersama. Sabda Rasulullah saw dalam Hadis Qudsi bahawa Allah swt telah berfirman:

ان الله تعالى يرضى لكم ثلاثاً ويكره لكم ثلاثاً فيرضى لكم أن تعبدوه ولا  
تُشركوا به شيئاً وأن تعتصموا بحبل الله جميعاً ولا تفرقوا وأن تناصحوا من  
ولاه الله أمرهم ويكره لكم قيل وقال وكثرة السؤال وإضاعة المال.

*Maksudnya: "Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, Rasulullah saw bersabda; Sesungguhnya Allah redha tiga (3) perkara terhadap kamu. Dia redha supaya kamu menyembahnya dan tidak menyekutukannya dengan sesuatu dan hendaklah kamu berpegang dengan agama Allah dan janganlah kamu berpecah belah, serta dia benci terhadap kamu bercakap tentang sesuatu yang tidak jelas sebab musababnya, banyak kerenah dan membazirkan harta".*

*(Hadis Riwayat Muslim)*

Antara contohnya:

- i. Melakukan pembaziran
- ii. Merosakkan telefon awam
- iii. Memecahkan tingkap-tingkap bangunan
- iv. Merosak dan mengotorkan harta awam
- v. Tidak ada kesedaran sivik

## **PENUTUP**

Maksiat dalam apa juga bentuknya sama ada kepada Allah swt dan Rasul, kepada manusia dan makhluk boleh merosakkan agama, iman, akhlak, kemuliaan diri dan kesejahteraan individu, keluarga, masyarakat, negara dan ummah.